




PERATURAN KEDIAMAN

VERSI 2.0

Flora Rosa

Residence
@Precinct 11, Putrajaya.



Dikemaskini pada 01 April 2024

FALSAFAH Pangsapuri/ Kondominium

Hakmilik anda terhadap Pangsapuri/Kondo ini adalah seperti yang termaktub di dalam **'THIRD SCHEDULE, BY LAW FOR THE REGULATIONS OF SUBDIVIDED BUILDINGS'** (Section 44 dan 62), di mana pihak pengurusan perlu mematuhi dan menguatkuasakan.

Semua penghuni perlu mematuhi syarat-syarat jual beli yang melibatkan penggunaan kemudahan dan harta awam yang disediakan untuk manfaat bersama penghuni dan penghuni-penghuni yang lain juga telah melakukan perjanjian yang serupa dengan pihak pemaju.

Ia juga adalah satu kewajipan bagi penghuni Pangsapuri/Kondo untuk mematuhi arahan yang telah ditetapkan seperti yang termaktub dalam **'AKTA PENGURUSAN STRATA 2013' (AKTA 757)** serta sebarang peraturan Perbadanan Putrajaya.

Untuk memperkenalkan dan mengekalkan prinsip hakmilik biasa yang telah dikuatkuasakan oleh pihak pengurusan, penghuni adalah terikat dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan dan sebarang perubahan terhadapnya akan dibuat melalui persetujuan bersama dengan anda dan penghuni lain, dengan matlamat untuk mewujudkan keadaan bermasyarakat yang harmoni.

Pihak pengurusan akan melaksanakan segala peraturan tersebut kepada para penghuni secara seragam.

Pengurusan Pangsapuri/Kondo ini memerlukan kerjasama daripada setiap penghuni, bakal penghuni atau para tetamu/pelawat.

Para penghuni boleh memberi cadangan kepada pihak pengurusan bagi meningkatkan mutu khidmat yang diberikan. Segala cadangan perlu diajukan secara bertulis dan ditandatangani oleh penghuni. Pihak pengurusan akan menilai segala cadangan dan berhak membuat keputusan sama ada untuk menerima dan menggunakan cadangan tersebut atau sebaliknya.

Semua pihak perlu bertanggungjawab di atas kesejahteraan dan kesejahteraan masyarakat sekitar.

Garis panduan yang akan dikuatkuasakan adalah seperti berikut:-

- Sebarang aduan yang berkaitan dengan pelanggaran ke atas peraturan ini perlu disampaikan kepada pihak pengurusan pada waktu pejabat atau melalui pengawal keselamatan selepas waktu pejabat.
- Pihak pengurusan akan menyiasat aduan yang dikemukakan dan sekiranya terbukti berlakunya kesalahan, pihak pengurusan akan memaklumkan kepada pengetahuan penghuni yang melakukan kesalahan itu.
- Sekiranya penghuni yang didapati melakukan kesalahan tidak mahu mengakuinya, pihak pengurusan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.
- Adalah diharapkan penghuni dan tetamu/pelawat membaca dan memahami segala peraturan yang dikuatkuasakan.

Table of Contents

FALSAFAH Pangsapuri/ Kondominium	1
Table of Contents	2
PERATURAN KEDIAMAN – FLORA ROSA RESIDENCE @ PRESINT 11, PUTRAJAYA	5
1.0 KATA-KATA PENDAHULUAN	5
1.1 Pengenalan	5
1.2 Am	5
2.0 KEPENGHUNIAN	5
2.1 Kelulusan Menggunakan Unit Pangsapuri/Kondo	5
2.2 Penyewaan	6
2.3 Tetamu/pelawat/Pelawat	6
2.4 Keluar/Masuk	6
2.5 Haiwan Peliharaan dan Haiwan Ternakan	6
2.6 Gangguan	7
2.7 Majlis dan Keraian	7
2.8 Menggunakan Pekerja Pihak Pengurusan	7
2.9 'Solicitation'	7
2.10 Bahan Pembakar	7
3.0 PENCEGAHAN KEBAKARAN	7
3.1 Pemadam Api	8
4.0 KAWASAN AWAM	8
4.1 Halangan Di Kawasan Awam	8
4.2 Pokok-Pokok Di Dalam Pasu	8
4.3 Pembersihan Kawasan Yang Bercantum Dengan Dinding Luar	8
4.4 Tanggungan ke Atas Kerosakan Harta Benda Awam	8
4.5 Bahagian Hadapan Bangunan	8
4.6 Mengawal Kebersihan Persekitaran Rumah	9
4.7 Perabot dan Peralatan Di Kawasan Awam	9
4.8 Lif	9
5.0 TEMPAT LETAK KERETA	9
5.1 Tempat Letak Kereta Terbuka	9
5.2 Tempat Letak Kereta Tetamu/Pelawat	9
5.3 Struktur Tambahan Di Tempat Letak Kereta	9

5.4 Kereta ,Motosikal, Basikal dan Sebagainya	10
5.5 Pelekat Kenderaan Bermotor	10
6.0 PELUPUSAN SAMPAH SARAP	10
6.1 Am	10
6.2 Sampah-Sarap Di Dalam Beg Plastik	10
6.3 Objek Berat Dan Besar	11
6.4 Pencegahan Paip Kumbahan Dari Tersumbat	11
6.5 Sisa Pengubahsuaian Rumah	11
7.0 PENGUBAHSUAIAN, PENGHANTARAN DAN PERPINDAHAN	11
7.1 Waktu Urusan	11
7.2 Kebenaran Sebelum Melakukan Kerja	11
7.3 Jadual Kerja	12
7.4 Pemasangan Alat Penghawa Dingin	12
7.5 Deposit.....	12
7.6 Pemeriksaan Pengawal.....	12
7.7 Penggunaan Lif	12
7.8 Air dan Elektrik	13
7.9 Pembungkusan dan Bekas Barangan	13
7.10 Had Pengubahsuaian.....	13
7.11 Tingkahlaku Kontraktor.....	13
7.12 Pengubahsuaian/Reka Bentuk dan Garis Panduan	13
7.13 Gantirugi dan Penafian (<i>Undertaking and Disclaimer</i>)	14
8.0 KEMATIAN	14
9.0 KEMUDAHAN.....	14
9.1 Surau	14
9.2 Penggunaan / Penyewaan Dewan Serbaguna	14
9.3 Gelanggang Sukan	15
9.4 Kolam Renang	15
10.0 OPERASI SISTEM KESELAMATAN.....	16
11.0 PENGAWAL KESELAMATAN	16
11.1 Peraturan dan Undang-undang	16
12.0 PEMASANGAN IKLAN DI PAPAN KENYATAAN.....	16
13.0 PENAFIAN TANGGUNGAN.....	16
14.0 ISTILAH DAN SYARAT DI DALAM PERJANJIAN JUAL-BELI, “ <i>DEED OF MUTUAL COVENANTS</i> ” DAN AKTA HAKMILIK STRATA 1985	16

15.0 PINDAAN DAN PERUBAHAN OLEH PIHAK PENGURUSAN	16
LAMPIRAN:	
1. Borang Aduan Penduduk	18
2. Borang Tempahan Gelanggang	19
3. Borang Pemulangan Deposit Tempahan Majlis	20
4. Borang Permohonan Pengubahsuaian	21
5. Borang Permit To Work (PTW)	22
6. Borang Pendaftaran Penduduk	23
7. Borang Daftar Penyewaan Penghuni	24
8. Borang Pertukaran Alamat Surat Menyurat	27
9. Borang Pendaftaran Pelekat Kenderaan Kerata/Motor	26
10. Borang Permohonan Majlis	27
11. Borang Permohonan Pindah Masuk/Keluar	28
12. Borang Akses Kad	29
13. Reka Bentuk Jeriji (<i>Grill Design</i>)	31
14. Pelan Dinding Galas Beban (<i>Shear Wall Layout</i>)	33

PERATURAN KEDIAMAN - FLORA ROSA RESIDENCE @ PRESINT 11,PUTRAJAYA

1.0 KATA-KATA PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tujuan buku panduan ini ditulis bukanlah untuk menyekat atau menahan segala aktiviti penghuni dan tetamu/pelawat Pangsapuri/ Kondo ini. Oleh itu pihak kami berharap agar dengan adanya Peraturan Kediaman ini ia mampu memberi keselesaan dan kedamaian bagi semua penghuni Pangsapuri/ Kondo Flora Rosa Residence @ Presint 11 Putrajaya berkerjasama dan saling hormat-menghormati di antara penghuni akan melengkapkan lagi keselesaan di Pangsapuri/Kondo ini.

Garis panduan dan peraturan ini bukanlah untuk menyusahkan sesiapa dan sekiranya terdapat cadangan, nasihat mahupun pandangan ianya adalah dialu-alukan.

1.2 Am

Tujuan mengadakan undang-undang dan peraturan yang mengandungi garis panduan kediaman bagi Flora Rosa Residence @ Presint 11 Putrajaya adalah untuk menjamin keharmonian penduduk Pangsapuri/Kondo ini di mana ianya akan melindungi penduduk daripada gangguan yang disebabkan oleh penyalahgunaan Pangsapuri/Kondo, untuk menjamin dan meningkatkan prestasi Pangsapuri/Kondo dengan menyediakan keselesaan yang maksimum ke atas premis dan kemudahan yang disediakan.

Garis panduan kediaman ini dibentuk sebagai panduan kepada penggunaan Pangsapuri/Kondo ini. Semua penghuni dan tetamu/pelawat di Pangsapuri/Kondo ini adalah tertakluk kepada segala peraturan. Pihak pengurusan berharap agar pihak penghuni sentiasa peka bagi mencapai matlamat untuk menikmati kehidupan yang damai di kawasan Pangsapuri/Kondo. Semua penghuni perlu bekerjasama untuk memastikan segala garis panduan dan peraturan dipatuhi.

Pihak pengurusan mempunyai tanggungjawab yang sepenuhnya untuk menguatkuasakan segala peraturan dari masa ke semasa. Cadangan secara bertulis daripada para penghuni adalah dialu-alukan dan pihak pengurusan mempunyai hak untuk menerima atau menolak cadangan tersebut. Semua penghuni dan tetamu/pelawat perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memastikan penghuni premisnya, tetamu/pelawat dan pelawat mematuhi segala garis panduan tersebut.

2.0 KEPENGHUNIAN

2.1 Kelulusan Menggunakan Unit Pangsapuri/Kondo

Penghuni tidak dibenarkan menduduki premis sehingga Sijil Layak Menduduki untuk mendiami Pangsapuri/Kondo dikeluarkan.

Premis hanya boleh digunakan bagi tujuan kediaman dan tidak dibenarkan untuk menjalankan perniagaan atau untuk lain-lain tujuan di mana ia akan menggugat reputasi Pangsapuri/Kondo dan melanggar akta guna tanah yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa.

2.2 Penyewaan

Pemilik rumah hendaklah memaklumkan kepada pihak pengurusan mengenai penyewaan unit rumah dengan melengkapkan Borang Maklumat Penyewa yang boleh didapati di Pejabat Pengurusan serta mematuhi syarat – syarat penyewaan yang ditetapkan di dalam borang tersebut.

Bilangan penyewa warganegara bagi satu unit kediaman hendaklah dihadkan kepada maksima 10 orang sahaja.

2.2.1 Penyewaan Jangka Panjang

Penyewa adalah dikalangan warganegara malaysia dan bagi bukan warganegara pula, pemilik rumah perlu memastikan penyewa mempunyai visa bekerja kategori ekspatriat yang diluluskan oleh imigresen Malaysia sahaja dibenarkan.

Penyewa bukan warganegara yang memiliki visa kategori pelajar dan visa kategori kerja selain ekspatriat adalah tidak dibenarkan.

Definisi penyewa adalah penyewa yang menyewa untuk jangka panjang sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan ke atas.

2.2.1 Penyewaan Jangka Pendek

Penyewaan jangka pendek sama ada warganegara Malaysia atau bukan warganegara adalah tidak dibenarkan. Apa-apa jenis penyewaan berbentuk jangka pendek seperti *homestay*, *AirBnB* atau penyewaan enam (6) bulan ke bawah adalah tidak dibenarkan dan akan dikenakan denda maksimum.

2.3 Tetamu/Pelawat

Penghuni bertanggungjawab memastikan tetamu/pelawat mereka mematuhi segala peraturan kediaman setiap kali berada di kawasan Pangsapuri/Kondo dan segala tingkahlaku mereka hendaklah tidak mengganggu penghuni lain di Pangsapuri/Kondo.

Penghuni haruslah bertanggungjawab di atas segala kerosakan yang dilakukan oleh tetamu/pelawat mereka.

2.4 Keluar/Masuk

Penghuni hendaklah memberitahu pihak pengurusan dan menyediakan segala maklumat yang diperlukan oleh pihak pengurusan berhubung dengan urusan keluar masuk.

Pihak pengurusan hendaklah diberitahu sekurang-kurangnya 24 jam sebelum penghuni berpindah, menyediakan maklumat seperti kenderaan yang digunakan dan pekerja yang terlibat bagi memudahkan kakitangan keselamatan membantu dan mengaturkan proses perpindahan.

Penghuni juga bertanggungjawab ke atas kos dan perbelanjaan yang timbul ke atas pihak pemaju atau pihak pengurusan (apabila ditubuhkan iaitu JMB/JMC) jika berlaku kerosakan kepada harta benda awam yang dilakukan oleh penghuni atau tetamu/pelawat.

2.5 Haiwan Peliharaan dan Haiwan Ternakan

Penghuni tidak dibenarkan menternak atau memelihara haiwan kecuali yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (Perbadanan Putrajaya) di dalam kawasan Pangsapuri/Kondo.

Walau bagaimanapun pihak pengurusan berhak memindahkan mana-mana haiwan ternakan atau peliharaan jika didapati mengganggu ketenteraman dan keselesaan penghuni-penghuni lain.

2.6 Gangguan

Semua penghuni hendaklah menjaga tingkahlaku pada setiap masa untuk mengelakkan gangguan dan ketidakselesaan kepada penghuni lain. Keadaan bising yang berlebihan dan tingkahlaku yang tidak sopan adalah dilarang.

Radio, televisyen, Hi-Fi atau alat-alat muzik yang lain haruslah digunakan pada kadar bunyi yang berpatutan supaya tidak mengganggu penghuni lain.

Semua penghuni dilarang membunyikan hon pada masa yang tidak sepatutnya supaya tidak mengganggu atau menimbulkan kemarahan penghuni yang lain.

2.7 Majlis dan Keraian

Majlis persendirian atau keraian adalah terhad kepada unit Pangsapuri/Kondo persendirian tersebut. Semua majlis persendirian atau keraian yang diadakan hendaklah tidak melebihi jam 10.00 malam. Sekiranya perlu untuk melanjutkan masa penghuni diminta memohon kebenaran daripada pihak pengurusan.

Pembayaran bagi setiap majlis yang akan dilangsungkan bergantung kepada Pejabat Pengurusan.

2.8 Menggunakan Pekerja Pihak Pengurusan dan Pekerja Perkhidmatan.

Penghuni tidak dibenarkan menggunakan mana-mana pekerja pihak pengurusan sama ada untuk tujuan perniagaan, persendirian atau apa-apa kegunaan sama ada di dalam atau luar pangsapuri/ Kondo tanpa kebenaran pihak pengurusan.

2.9 'Solicitation'

Mencari atau menawarkan barangan atau perkhidmatan yang menyalahi undang-undang di premis Pangsapuri/Kondo adalah dilarang.

Aktiviti kempen termasuk ceramah politik yang tidak mendapat kebenaran juga dilarang.

2.10 Bahan Pembakar

Bahan pembakar seperti petroleum tidak dibenarkan disimpan di dalam Pangsapuri/Kondo. Racun dan bahan yang boleh menyebabkan asap, gas atau bau yang busuk, bahan letupan tidak boleh disimpan atau digunakan di dalam Pangsapuri/Kondo.

3.0 PENCEGAHAN KEBAKARAN

Selain daripada untuk tujuan memasak harian, menyimpan, menggunakan atau bermain dengan bahan api dalam apa jua keadaan di dalam Pangsapuri/Kondo adalah dilarang.

Semua penghuni tidak seharusnya merosakkan sebarang peralatan pemadam kebakaran yang ada di dalam Pangsapuri/Kondo.

Penghuni yang didapati melakukan kegiatan vandalism ke atas peralatan pencegahan kebakaran, maka adalah menjadi tanggungjawab penghuni tersebut menggantikan sesuatu peralatan itu kepada asal.

Segala kos pembaikan / penggantian akan ditanggung oleh penghuni dan caj yang akan dikenakan akan dimasukkan ke dalam bil bulanan akaun pemilik.

3.1 Pemadam Api

Lokasi di lobi lif

Arahan penggunaan:

1. Tarik pin keselamatan
2. Halakan muncung ke arah api
3. Tekan pemegang

Perlu dimaklumi bahawa pemadam api hanya boleh digunakan untuk kebakaran kertas, papan, minyak dan gas. Ianya tidak boleh digunakan untuk memadam kebakaran yang disebabkan oleh elektrik. Bagi penghuni yang didapati sengaja merosakkan Harta Awam adalah menjadi tanggungjawab penghuni tersebut menggantikan atau membaiki kerosakan tersebut kepada keadaan asal dan kos yang terlibat hendaklah ditanggung sendiri oleh penghuni ataupun dcajkan ke dalam bil bulanan akaun pemilik .

4.0 KAWASAN AWAM

4.1 Halangan Di Kawasan Awam

Penghuni hendaklah memastikan laluan pejalan kaki, tangga dan koridor bebas dari apa jua bentuk halangan seperti kotak-kotak kosong, perabut-perabut terpakai/tidak terpakai, barang-barang berat dan besar dan sampah-sarap yang bertaburan.

4.2 Pokok-Pokok Di Dalam Pasu

Semua tanaman yang sepatutnya berada di dalam pasu mesti ditanam di dalam pasu untuk mengelakkan air menitik ke unit lain.

Semua penghuni mesti memastikan tanaman di dalam pasu tidak diletakkan di dalam keadaan yang akan membahayakan penghuni-penghuni yang lain.

4.3 Pembersihan Kawasan Yang Bercantum Dengan Dinding Luar

Perhatian perlu diberikan jika melakukan pembersihan yang melibatkan kawasan sambungan dinding luaran untuk mengelakkan air terkena kawasan luar atau Pangsapuri/Kondo yang lain.

4.4 Tanggungan ke Atas Kerosakan Harta Benda Awam

Sebarang kerosakan mesti diberitahu kepada pihak pengurusan dan kos pembaikan atau penggantian akan dikenakan ke atas penghuni yang bertanggungjawab.

4.5 Bahagian Hadapan Bangunan

Untuk memelihara/meningkatkan imej Pangsapuri/Kondo, bahagian luar dan hadapan Pangsapuri/Kondo hendaklah berada dalam keadaan yang menarik dan bersih.

Penghuni haruslah memastikan bahawa tiada apa-apa yang menghalang pintu dan tingkap. 'Grill' dan 'awning' yang dipasang haruslah mendapat pengesahan dan kelulusan daripada pihak pengurusan.

Penyapu, mop, notis, iklan, poster dan sebagainya tidak boleh dilekatkan pada tingkap, pintu, ataupun laluan pejalan kaki kerana ianya dapat dilihat dari luar bangunan.

Penghuni Pangsapuri/Kondo haruslah memastikan bahawa kain seperti baju dan tuala digantung di kawasan khas yang telah disediakan.

Pemasangan antena televisyen, radio dan alat penghawa dingin haruslah mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan.

4.6 Mengawal Kebersihan Persekitaran Rumah

Penghuni adalah dinasihatkan supaya memberi keutamaan kebersihan kawasan dan di dalam rumah untuk mencegah dari penularan dan penyebaran penyakit – penyakit berjangkit, bawaan serangga dan lain- lain binatang seperti nyamuk aedes, lipas, lalat, tikus, semut dan lain- lain.

Semua penghuni diharap lebih peka dan bertanggungjawab.

4.7 Perabot dan Peralatan Di Kawasan Awam

Perabot dan peralatan yang ada di kawasan awam dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan dan keselesaan bagi setiap penghuni. Oleh itu ianya tidak harus dirosakkan atau dimusnahkan.

Bagi penghuni yang didapati sengaja merosakkan Harta Awam adalah menjadi tanggungjawab penghuni tersebut menggantikan atau membaiki kerosakan tersebut kepada keadaan asal dan kos yang terlibat hendaklah ditanggung sendiri oleh penghuni ataupun dicajkan ke dalam bil bulanan akaun pemilik .

4.8 Lif

Tidak dibenarkan memakai pakaian yang basah, makan atau minum dalam lif. Basikal dan pengangkutan bermotor (selain dari kerusi roda) tidak dibenarkan dibawa ke dalam lif.

Merokok di dalam lif adalah dilarang sama sekali. Sekiranya bekalan elektrik terputus, berlaku kebakaran atau lain-lain kecemasan, maka penghuni haruslah menggunakan tangga.

Penghuni haruslah memberitahu pihak pengurusan sekurang-kurangnya 24 jam lebih awal sekiranya ingin memindahkan barang besar atau berat supaya pihak pengurusan dapat mengambil tindakan bagi mengelakkan ketidakselesaan para penghuni yang lain.

Pihak pengurusan mempunyai hak untuk tidak membenarkan penggunaan lif bagi sesuatu tujuan.

Penghuni adalah diminta supaya bekerjasama dengan Pihak Pengurusan Bangunan untuk memastikan semua kemudahan lif yang disediakan dalam keadaan baik dan tidak dirosakkan.

Penghuni yang didapati merosakkan kemudahan lif yang disediakan adalah dipertanggungjawabkan untuk membaiki / menggantikan peralatan tersebut di mana kos terlibat akan ditanggung sendiri oleh penghuni atau kos pembaikan tersebut akan dimasukkan ke dalam bil bulanan akaun pemilik.

5.0 TEMPAT LETAK KERETA

5.1 Tempat Letak Kereta Terbuka

Setiap Pangsapuri/Kondo hanya disediakan dua (2) ruang tempat letak kereta terbuka. Para penghuni Pangsapuri/Kondo boleh meletakkan kereta mereka hanya di nombor parkir yang telah dikhaskan sahaja.

Kenderaan tidak boleh diletakkan di bahu-bahu jalan. Keselamatan ke atas kenderaan yang diletak di tempat letak kereta pada keseluruhannya adalah di atas tanggungjawab pemilik itu sendiri.

5.2 Tempat Letak Kereta Tetamu/Pelawat

Tiada peruntukan khas untuk tempat letak kereta tetamu/pelawat. Tetamu/Pelawat boleh meletak kenderaan mereka di tempat letak kereta tetamu/pelawat jika ada kekosongan.

5.3 Struktur Tambahan Di Tempat Letak Kereta

Penghuni tidak dibenarkan membina sebarang struktur tambahan di mana-mana tempat letak kereta di Pangsapuri/Kondo ini.

5.4 Kereta ,Motosikal, Basikal dan Sebagainya

Kereta , Motosikal dan basikal haruslah diletakkan di tempat yang telah dikhaskan.

Pemilik kereta / motosikal dilarang meletakkan kenderaan mereka di tempat yang boleh mengganggu laluan awam, kesalahan ini boleh menyebabkan kenderaan tuan/puan dikunci.

Motosikal perlu diletakkan di tempat yang telah disediakan.

Pemilik motosikal dilarang keras membawa naik kenderaan ke unit/tingkat atas.

Denda untuk membuka kunci / rantai adalah seperti berikut:

- **RM30.00** – Salah parking (Motosikal)
- **RM50.00** – Salah parking (Kereta)
- **RM100.00** – Membawa naik ke unit/tingkat

Pendapatan dimasukkan ke dalam akaun penyelenggaraan.

5.5 Pelekat Kenderaan Bermotor

Mengadakan pelekat bagi kenderaan bermotor.

Kenderaan tanpa pelekat tidak dibenarkan meletakkan kenderaan mereka di Kawasan Pangsapuri/Kondo Flora Rosa Residence @ Presint 11

Caj untuk pelekat adalah seperti berikut:

- **RM10.00** – kereta/van/dll.
- **RM 5.00** – Motosikal.

Bagi tujuan pembaharuan pelekat kenderaan, penghuni **TIDAK PERLU** membuat bayaran kerana **pembayaran pertama kali adalah bayaran sekali sahaja.**

Namun demikian, caj pembayaran pelekat kenderaan akan dikenakan semula sekiranya:

- i. Pelekat kenderaan hilang, rosak atau salah nombor plat kenderaan.
- ii. Bertukar kenderaan lain selain daripada yang didaftarkan.
- iii. Status pemungkir ketika (i) dan (ii) atau pada tahun pembaharuan.

Pendapatan dimasukkan ke dalam akaun penyelenggaraan.

6.0 PELUPUSAN SAMPAH SARAP

6.1 Am

Bagi memastikan keadaan persekitaran bersih dan bebas daripada sampah-sarap, sampah-sampah tidak boleh dibuangkan di koridor, tangga, lobi lif dan tempat awam yang lain mahupun melalui tingkap premis. Semua sampah-sarap haruslah dibuang ke dalam bilik sampah ataupun di dalam tong sampah (yang disediakan di setiap blok bagi sampah-sampah kering dan kecil).

6.2 Sampah-Sarap Di Dalam Beg Plastik

Semua penghuni haruslah memastikan bahawa semua sampah yang hendak dibuang perlu dimasukkan ke dalam beg plastik, diikat kemas sebelum dibuang di dalam tong sampah yang di sediakan atau dibuang terus ke dalam bilik sampah.

Sampah yang basah hendaklah dibawa dengan berhati-hati supaya tidak mengotorkan lantai.

Jika penghuni didapati meletakkan sampah/beg plastik bukan ditempat yang sepatutnya sekiranya

tertangkap dan didapati bersalah Jawatankuasa boleh mengenakan denda sebanyak **RM100.00** kepada pesalah tersebut.

6.3 Objek Berat Dan Besar

Penghuni harus menguruskan sendiri pembuangan objek berat dan besar. Penghuni akan menanggung segala kos penyelenggaraan pembuangan barangan sekiranya pihak pengurusan melakukannya, seperti sisa-sisa pembinaan, perabot lama dan sebagainya dan memaklumkan kepada pihak pengurusan atau sekuriti.

6.4 Pencegahan Paip Kumbahan Dari Tersumbat

Setiap penghuni diingatkan supaya tidak membuang barang-barang yang tidak sepatutnya di dalam 'water closet' seperti:

- Tuala wanita
- Suratkhbar dan plastik
- Objek berat dan besar
- Barangan yang tidak mudah reput

6.5 Sisa Pengubahsuaian Rumah

Dilarang meletakkan dan membuang sisa-sisa pengubahsuaian rumah di kawasan awam/ kawasan harta bersama. Sekiranya tertangkap dan didapati bersalah Jawatankuasa boleh mengenakan denda sebanyak **RM 100.00** kepada pesalah tersebut dan segala sisa pengubahsuaian tersebut perlu dibuang dan dilupuskan oleh penghuni atau kontraktor mereka dengan kadar segera agar tidak mengganggu segala urusan harian dikawasan awam.

7.0 PENGUBAHSUAIAN, PENGHANTARAN DAN PERPINDAHAN

7.1 Waktu Urusan

Kerja-kerja pengubahsuaian, penghantaran dan pemindahan boleh dilakukan mengikut masa yang telah ditetapkan:

Isnin – Jumaat	: 9.00a.m - 5.00p.m
Sabtu	: 9.00a.m - 1.00p.m
Ahad dan Cuti Am	: TIDAK DIBENARKAN

Ini adalah untuk membolehkan pihak pengurusan membantu dan mengawas kerja-kerja tersebut dan supaya tidak mengganggu ketenteraman penghuni-penghuni lain.

Jika perlu untuk menjalankan kerja-kerja pada waktu-waktu selain daripada yang ditetapkan kebenaran hendaklah diperolehi daripada pihak pengurusan.

7.2 Kebenaran Sebelum Melakukan Kerja

Penghuni mestilah memberi notis secara bertulis dalam masa tujuh (7) hari beserta borang PTW (Permit To Work) kepada pengurusan dan kebenaran hendaklah diperolehi sebelum kerja-kerja pengubahsuaian dilakukan.

Pihak pengurusan berhak menolak permohonan sekiranya proses pengubahsuaian tersebut tidak bersesuaian. Pengubahsuaian ini juga tertakluk kepada syarat-syarat yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (Perbadanan Putrajaya).

7.3 Jadual Kerja

Penghuni atau kontraktor mereka diminta menyerahkan jadual kerja mereka kepada pihak pengurusan berserta borang PTW (Permit To Work).

7.4 Pemasangan Alat Penghawa Dingin

Air buangan yang terhasil dari alat hawa dingin ini hendaklah disalurkan ke unit kediaman masing-masing dengan menggunakan sistem paip yang sempurna.

7.5 Deposit

Deposit pendahuluan yang akan dikembalikan tanpa faedah hendaklah dibayar sebelum kerja-kerja pengubahsuaian dijalankan. Ini adalah untuk memastikan penghuni dan/atau kontraktor yang dilantik oleh penghuni bertanggungjawab ke atas kerosakan-kerosakan yang berlaku ke atas harta penghuni lain atau harta awam seperti lif, koridor lobi dan tangga dan menjaga kebersihan persekitaran. Butir-butir deposit yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

- **RM1,000.00** untuk kerja-kerja yang melibatkan pemecahan lantai, dinding dan sebagainya, seperti kerja-kerja pemasangan jubin (tiles), menukar mangkuk tandas, dan sebagainya. (Sebarang kerja-kerja memecah atau meruntuh dinding adalah **DILARANG** sama sekali tertakluk kepada budi bicara Badan Pengurusan Bersama Residensi Flora Rosa).

Deposit akan dikembalikan selepas tiga bulan kerja-kerja siap.

- **RM500.00** untuk kerja yang tidak melibatkan pemecahan lantai dan dinding atau bahagian-bahagian lain struktur bangunan seperti pemasangan grill, cabinet dapur, mengecat dan pemasangan alat-alat elektrik (kipas, lampu dan sebagainya).

Deposit akan dikembalikan selepas dua bulan kerja-kerja siap.

- **RM 30.00** untuk pengurusan dan pentadbiran

Deposit hendaklah dibayar atas nama "**BADAN PENGURUSAN BERSAMA RESIDENSI FLORA ROSA**" Pangsapuri/Kondo Flora Rosa Residence @ Presint 11 secara **ATAS TALIAN** sahaja.

Sekiranya penghuni atau kontraktor yang dilantik penghuni gagal untuk membaiki kerosakan dan/atau membersihkan sampah yang diakibatkan oleh kerja-kerja pengubahsuaian, pihak pengurusan berhak menjalankan tanggungjawab tersebut dengan menggunakan deposit tersebut. Jumlah yang dikembalikan adalah setelah kos yang berkaitan ditolak. Sekiranya deposit yang dibayar tidak mencukupi untuk menampung kos tersebut pihak pengurusan sebagai wakil kepada pemaju dan juga penghuni-penghuni yang lain berhak menuntut bayaran untuk kos yang selebihnya daripada penghuni yang menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian tersebut.

7.6 Pemeriksaan Pengawal

Sebarang kerja-kerja penghantaran, pemindahan dan pengubahsuaian mestilah dilaporkan kepada pengawal sebelum kerja-kerja tersebut dijalankan.

Pihak pengurusan berhak menghalang kemasukan orang-orang yang tidak dikenali yang mana tujuan mereka tidak dapat dikenalpasti.

7.7 Penggunaan Lif

Semua penghantaran, pemindahan dan pekerja-pekerja hendaklah menggunakan lif dan tangga dengan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang kerosakan dan ketidakselesaan kepada penghunipenghuni lain.

7.8 Air dan Elektrik

Semua penghuni/kontraktor tidak dibenarkan mengambil air/elektrik daripada kawasan awam.

7.9 Pembungkusan dan Bekas Barangan

Bungkusan dan bekas barangan (hasil pembelian barangan baru atau sebagainya) hendaklah dipindahkan oleh penghuni atau kontraktor mereka ke tempat pembuangan sampah yang dibenarkan dan bukannya di kawasan luar unit rumah, persekitaran bangunan atau di mana-mana kawasan awam yang lain.

7.10 Had Pengubahsuaian

Semua pengubahsuaian hendaklah tidak melebihi had sesebuah Pangsapuri/Kondo.

Menghentak dinding dan melakukan kerja pembinaan dalam keadaan yang basah tidak dibenarkan.

i) Ubahsui Melibatkan Pemecahan Dinding

Sebarang kerja-kerja memecah atau meruntuh dinding adalah **DILARANG** sama sekali kerana struktur dinding mungkin melibatkan dinding galas beban (shear wall) dan struktur utama unit yang mungkin berfungsi sebagai struktur utama bagi keseluruhan bangunan untuk mengelakkan sebarang masalah yang tidak diinginkan kelak.

ii) Ubahsui Penukaran Fungsi Ruang Jemuran/Yard

Segala pemasangan kabinet dapur basah (wet kitchen) dan pemasangan/penggunaan sinki yang melibatkan aktiviti memasak di Ruang Jemuran (Yard) adalah **TIDAK DIBENARKAN** oleh Pihak Berkuasa Tempatan mengikut *Klausula 4(D)(ii) 'larangan menukar guna Ruang Jemuran/Dobi (Drying Yard) sedia ada kepada apa-apa kegunaan selainnya atau menjadi ruang tertutup sepenuhnya'* dalam Garis Panduan Asas Pelaksanaan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsui Premis Kediaman Dalam Kawasan Putrajaya yang dikeluarkan oleh Perbadanan Putrajaya.

Pemasangan tingkap tambahan di Ruang Jemuran/Yard adalah **TIDAK DIBENARKAN** melainkan pemasangan jeriji yang telah diluluskan seperti di lampiran.

Penghuni yang bertanggungjawab haruslah memastikan bahawa kerja-kerja pengubahsuaian dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

7.11 Tingkahlaku Kontraktor

Penghuni adalah bertanggungjawab terhadap tingkahlaku kontraktor yang dilantik.

Segala kerosakan kepada bangunan akibat perpindahan perabot atau kesan lain adalah bawah tanggungan penghuni.

Pihak pengurusan berhak menghalau atau mengusir kontraktor yang tidak berkelakuan baik.

Kontraktor atau orang yang tidak dikenali tidak dibenarkan berkeliaran di mana-mana blok atau kawasan kecuali kawasan yang terlibat sahaja serta tidak dibenarkan bermalam. Mereka tidak akan dibenarkan memasuki kawasan Pangsapuri/Kondo pada masa akan datang sekiranya ditangkap.

7.12 Pengubahsuaian/Reka Bentuk Dan Garis Panduan

i) Reka Bentuk dan Kedudukan Jeriji

Pemasangan jeriji pada pintu utama hendaklah tidak mengganggu kawasan koridor (bukakan keluar/kearah ruang legar laluan koridor blok) dan hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Jeriji untuk pintu gelongsor (sliding door) di balkoni hendaklah dipasang di bahagian dalam unit rumah.

Sila rujuk lampiran bagi panduan reka bentuk, kedudukan dan warna jeriji yang telah diluluskan.

ii) Ubahsuai Melibatkan Dinding

Sebarang pengubahsuaian yang melibatkan perubahan atau 'hacking' dinding bagi tujuan susun atur wayar kabel baru atau paip hendaklah memastikan kedudukan dinding gelas beban (shear wall) TIDAK DIUSIK bagi mengekalkan integriti keseluruhan bangunan. Sila rujuk lampiran bagi panduan kedudukan dinding gelas beban (shear wall).

7.13 Gantirugi dan Penafian (*Undertaking & Disclaimer*)

Pihak Pengurusan meluluskan semua kerja pengubahsuaian berdasarkan undang-undang, peraturan, terma dan syarat yang berkuatkuasa. Oleh itu, pemilik dan kontraktor yang diupah oleh pemilik hendaklah mengambil mana-mana insurans yang sesuai bagi menanggung rugi Pihak Pengurusan terhadap segala tindakan, prosiding, tuntutan, kos, caj, perbelanjaan dan permintaan terhadap semua tuntutan bagi dcaj, penalti, denda dan bayaran lain atau apa-apa kecederaan kepada orang atau harta yang berbangkit daripada pelanggaran, ketidakpatuhan atau kemungkiran oleh pihak kontraktor atau pihak pemilik ke atas Peraturan Kediaman dan/atau syarat-syarat kebenaran kerja pengubahsuaian ini.

8.0 KEMATIAN

Sekiranya berlaku sebarang kematian, penghuni yang beragama Islam adalah dinasihatkan supaya menggunakan surau atau bilik jenazah yang disediakan.

Pengurusan jenazah yang dijalankan melebihi 2 hari adalah tidak digalakkan bagi menjaga ketenteraman penghuni-penghuni lain.

9.0 KEMUDAHAN

9.1 Surau

Kemudahan surau yang disediakan adalah untuk kegunaan penghuni yang beragama Islam.

Segala kebersihan adalah menjadi tanggungjawab bersama. Pastikan segala suis lampu, kipas, penyaman udara, paip air dan pintu ditutup sebelum meninggalkan surau.

9.2 Penggunaan / Penyewaan Dewan Serbaguna

Kemudahan dewan yang disediakan adalah untuk semua penghuni. Penyewa dewan ini dinasihatkan mendapatkan permit/kebenaran dari pihak berwajib jika aktiviti yang akan diadakan memerlukan permit/kebenaran. Pihak Pengurusan tidak boleh disabitkan keatas penganjuran aktiviti berkaitan.

Penganjuran aktiviti yang tidak bermoral dan tidak bersesuaian dengan Warga Pangsapuri/Kondo Flora Rosa Residence @ Presint 11 tidak dibenarkan sama sekali.

Tempahan dewan perlu dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja sebelum hari penggunaan di pejabat Pengurusan, tertakluk kepada kekosongan pada hari berkenaan.

Sewaan akan dikenakan berserta deposit penyelenggaraan yang akan dikembalikan sekiranya Pihak Pengurusan berpuas hati dengan keadaan perjalanan majlis berkenaan.

Caj sewa dan Deposit adalah seperti berikut: -

1. PEMILIK PETAK
 - Sewa RM500.00
 - Deposit RM300.00
2. BUKAN PEMILIK PETAK
 - Sewa RM1,000.00
